

Otomops sp.

Famili : Molossidae
Genus : *Otomops*
Spesies : *Otomops sp.*



Tiga (3) genus daripada famili Molossidae telah direkodkan bagi Semenanjung Malaysia iaitu Mops/Tadarida, Chaerephon dan Cheiromeles. Hasil penemuan spesies *Otomops sp.* yang telah dicatatkan semasa Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Pergunungan Cameron Highlands yang berlangsung pada 20 hingga 25 Mei 2007 telah menambahkan satu lagi rekod pertambahan genus sekaligus spesies bagi negara kita. Genus *Otomops* yang sebelum ini pernah direkodkan juga dikenali sebagai Kelawar Telinga Besar Tanpa Ekor atau nama saintifik *Otomops martiensseni* (direkodkan di Tengah dan Selatan Afrika, pada tahun 1897). Manakala, *Otomops madagascariensis* (dari Madagascar; dihuraikan pada tahun 1953), *Otomops wroughtoni* (dari India dan baru-baru pada tahun 2001 direkodkan pertama kali di Cambodia pada 1913), *Otomops papuensis* (dari Papua New Guinea dihuraikan pada 1948), *Otomops secundus* (dari Papua New Guinea; pada tahun 1952), *Otomops johnstonei* (dari Kepulauan Alor, Nusa Tenggara, Indonesia; yang dihuraikan pada 1992) dan *Otomops formosus* (dari Jawa; yang dihuraikan pada tahun 1939). Kesemua tujuh spesies dari genus *Otomops* telah tersenarai dalam 2006: *IUCN Red List of Threatened Species* disebabkan kesemua spesies dalam genus yang terdapat di negara khususnya asia sangat sukar untuk ditemui dan direkodkan penemuannya.